

Pas dijadikan 'kambing hitam'

— Mustafa
UM 25 JUN 2001

KUALA TERENGGANU 24 Jun — Pas menganggap parti itu diadikan 'kambina hitam' semata-mata untuk menutup kelemahan dan kegagalan UMNO dalam menjayakan agenda Melayu dan Islam di negara ini.

Naib Presidenya, Mustafa Ali menegaskan, walaupun Pas dituding sebagai penyebab utama kemelut yang dihadapi bangsa, agama dan negara, tiada sebab parti dan pemimpinnya merasa berdosa.

Katanya, parti itu sudah lali dengan tuduhan dan kecaman termasuk sebagai pengkhianat bangsa selama ini kerana ia dibuat secara liar dan tidak berasas ekoran keadaan yang mendasak.

"Ia untuk menutup kesilapan sendiri. Sebenarnya banyak kegagalan yang dilakukan oleh UMNO dan mereka cuba lemparkan kegagalan itu dengan menjadikan orang lain sebagai kambing hitam'.

"UMNO menggariskan polisi dan melaksanakan, macam mana dia tuduh orang lain dengan kegagalannya sedangkan kita tidak halang mereka daripada melaksanakan agenda Melayu.

"Begitu juga dengan agenda Islam, cuma ia terlalu sempit skopnya dan kita mahu memperluaskan dengan mengikut prinsip yang sebenarnya," ujar beliau ketika ditemui di kediamannya di sini petang ini.

Beliau mengulas kenyataan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa Pas adalah parti pengkhianat bangsa Melayu dan negara Islam kerana ia menentang soal perpaduan ummah semata-mata untuk menjayakan politik sempitnya.

Ketika berucap menggulung perbincangan pada Perhimpunan Agung UMNO semalam, Dr. Mahathir berkata, selain menolak perpaduan, Pas sanggup menggadai hak istimewa Melayu serta tergamak meniadakan keislaman negara ini demi pejuangan politik sempitnya.

Mengenai hak istimewa orang Melayu beliau menegaskan, Pas dan semua pihak sebenarnya bersetuju hak istimewa itu dikekalkan serta tiada yang menentanginya.

"Kita mempertahankan dari segi prinsipnya mengikut perlembagaan, tetapi yang ditentang ialah cara pelaksanaan dan ini sering kali kita sebut," ujar beliau.

Menyentuh mengenai perpaduan dan kemajuan bangsa, Mustafa menegaskan. Pas tidak pernah menyekatnya manakala isu mengkafir disifatkan adalah 'mainan' isu lama.